

29-03-2018

tengah 39

HARIAN METRO

ROSLI melawat bangunan flat retak di Bangi.



SUSULAN TIANG FLAT RETAK SERIBU
Perlu 2 hari

Kalbana Perimbanayagam
news@nstp.com.my

Bangi

Pihak berkuasa memerlukan masa dua hari lagi untuk menentukan sama ada Blok 4, Flat Jubli Perak Perbadanan Kemaajuan Negeri Selangor (PKNS), Seksyen 4, Bandar Baru Bangi, di sini, selamat untuk didiami atau sebaliknya.

Pegawai Pejabat Daerah Hulu Langat Datuk Rosli Othman berkata, pertunding PKNS bersama arkitek Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) mula melakukan ujian sejak semalam, namun terpaksa melanjutkan pemeriksaan sebelum memutuskan tahap keselamatan bangunan itu.

Bellau berkata, lanjutan tempoh itu bagi memastikan keputusan daripada ujian dijalankan betul-betul tepat.

"Arkitek dan pemeriksa daripada jabatan berkenaan perlu mengambil masa dua hari lagi sebelum menentukan tahap keselamatan flat.

"Sehingga itu, penduduk terjejas ditempatkan di pusat pemindahan sementara di dewan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jalan Tiga dan segala kebajikan serta keperluan mereka akan dijaja PKNS serta Kerajaan Selangor," katanya dalam sidang media, di sini, semalam.

Difahamkan, ujian dijalankan untuk menentukan tahap keselamatan tiang dilakukan selang empat jam dalam masa sekurang-kurangnya 48 jam.

Rosli berkata, daripada 18 tiang yang mengalami keretakan, hanya lima atau empat yang membimbangkan.

Dilaporkan, 18 daripada 114 tiang mengalami keretakan menyebabkan jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mengisytiharkan ia tidak selamat sebelum mengarahkan penduduk berpindah, petang kelmarin.

Rosli berkata, berdasarkan keadaan dan kakisan Keluli yang tertanam di dalam tiang, keretakan mula bertambah buruk dua hingga tiga minggu lalu.

"Jika bangunan diperakui tidak selamat, PKNS mempunyai beberapa rancangan alternatif untuk mereka yang terjejas tetapi kami tidak akan menyentuh perkara itu lagi hari ini (semalam)," katanya.

Bellau berharap hasil ujian dan pemeriksaan akan diperoleh Jumaat ini.

"Jika ia diisytiharkan sebagai selamat maka penghuni boleh kembali ke unit mereka sementara pihak berkuasa menjalankan kerja pemuliharaan dan pembetulan.

"Jika ia selamat, saya menganggarkan tempoh kira-kira dua minggu untuk kerja pembaikan," katanya.